

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
TARIKAT SAMANIAH IBRAHIM BONJOL**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Kertas ini dikemukakan kepada Jawatankuasa Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor untuk mendapatkan pandangan mengenai Tarikat Samaniah Ibrahim Bonjol mengikut perundangan Islam.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Tarikat ini diasaskan oleh Syeikh Hj. Ibrahim bin Abdullah. Dilahirkan pada tahun 1920 an di Padang dan menetap di Pondok Kelapa, KM 61/2, Jalan Binjai, Medan, Sumatera. Beliau lebih dikenali sebagai Ibrahim bin Bonjol dan meninggal dunia pada tahun 1991. beliau menerima Tarikat Samaniah daripada Syeikh Abdul Rahman Kemangoniah, Padang Panjang, Sumatera. Anak perempuan Syeikh Ibrahim iaitu Azizah Hanum telah berkahwin dengan Syed Muhamad bin Syed Jaafar di Kampung Jeram Perdah, Alor Pasir, Pasir Mas, Kelantan dan mempunyai beberapa orang anak.

2.2 Beliau adalah seorang ahli Parti Komunis Indonesia dan pernah menyuruh orang-orang Parti Komunis memukul Ketua Umum Yayasan Al Wasilah iaitu Hj. Baharom bin Jamil. Pada Mac 1978, beliau telah ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang oleh pihak Imegresen dan tidak dibenarkan masuk untuk menyampaikan tarikatnya.

**3. CIRI-CIRI KESALAHAN**

3.1 Sebelum seorang murid diterima menjadi ahli, diwajibkan ia mandi dengan air limau. Bersedekah dan menghormati guru adalah menjadi satu kewajipan bagi murid-muridnya. Di samping itu murid-murid digalakkan membuat kebajikan dan memberi bantuan material kepada guru.

- 3.2 Kitab Thabitul Qulub yang dijadikan kitab asas kepada tarikat berkenaan didapati banyak yang bertentangan dengan pegangan umat Islam. Setiap orang yang belajar tarikat berkenaan diberikan buku tersebut dengan bayaran RM 25. Wirid-wirid dalam tarikat ini terkumpul didalam buku Baitu Ibadah yang mengandungi zikir-zikir yang disusun berdasarkan kepada ayat-ayat Quran, solawat, istighfar dan doa.
- 3.3 Terdapat 26 adat kesopanan murid kepada guru. Antaranya tidak boleh murid berkahwin isteri guru yang diceraikan atau ditinggalkan mati.
- 3.4 Jika seseorang mati ketika berulang alik ke tempat belajarnya untuk mempelajari tarikat berkenaan maka tuhan sendiri yang akan mencabutkan nyawanya itu. Selain itu sembahyang boleh dilakukan dengan niat sahaja (Sembahyang Batin) atau boleh ditinggalkan semasa dalam kesibukan kemudian di qada' serta sembahyang fardhu diabaikan atau ditinggal kerana cukup dengan niat di hati.
- 3.5 Nikah boleh dilakukan tanpa wali dan saksi (Nikah Batin). Ia juga menyatakan orang-orang yang belum masuk tarikat ini dianggap belum sempurna Islam mereka, mereka diajak untuk di Islamkan oleh guru atau wakil tarikat ini.
- 3.6 Jika sudah masuk Tarikat ini tidak perlu lagi pengajian ilmu-ilmu syariat. Ajaran-ajaran dalam tarikat ini dirahsiakan daripada bukan pengikutnya. Tarikat ini juga disebut sebagai Ilmu *Sirr* (rahsia), dan murid mesti patuh sepenuhnya kepada guru zahir dan batin, jika guru menyatakan jodoh seseorang pengikut itu dengan seorang yang lain maka ia dipatuhi.
- 3.7 Seorang murid wajib dimandikan dengan air limau / bidara apabila memasuki tarikat ini bagi membersihkan dosa. Di samping itu Syeikh Ibrahim Bonjol guru tarikat ini kononnya mempunyai "mukjizat" dengan mengeluarkan air dari tangannya.

3.8 Pergaulan bebas antara bukan muhrim dibolehkan antara ahli jika dengan niat yang ikhlas, serta menganggap Al-Quran sebagai sejarah sahaja.

#### 4. **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(FATWA) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar didalam Islam dan keputusannya adalah seperti berikut:

**“Jawatankuasa Fatwa kali ke 1/98 memutuskan bahawa Tarikat Samaniah Ibrahim Bonjol adalah menyeleweng dan bertentangan daripada aqidah Islam. Umat Islam yang menganuti tarikat ini hendaklah bertaubat dan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar”.**